

94

NO. SOALAN: 134

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2018)**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD  
[ BUKIT GANTANG ]**

**SOALAN :**

Tuan Idris Bin Haji Ahmad [ Bukit Gantang ] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan butiran terperinci jumlah zakat yang dikeluarkan oleh GLC Kerajaan Pusat sejak tahun 2010 hingga 2017.

**JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang Di Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, di bawah Butiran 1, Senarai II (Senarai Negeri), Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan, hal-ehwal Agama Islam termasuklah urusan zakat adalah terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Oleh itu, maklumat mengenai jumlah zakat hendaklah dirujuk kepada negeri-negeri berkenaan.

Di Wilayah Persekutuan, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) merupakan agensi yang menguruskan dana zakat. Kutipan

zakat harta di Wilayah Persekutuan dilaksanakan oleh Pusat Pungutan Zakat MAIWP (PPZ-MAIWP), manakala agihan zakat dilaksanakan oleh MAIWP melalui Bahagian Baitulmal.

Berkaitan **syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) yang mengeluarkan zakat**, dimaklumkan dari tahun 2010 hingga 2017, sebanyak 39 institusi telah mengeluarkan zakat kepada PPZ-MAIWP berjumlah RM393.42 juta.

GLC tidak terikat untuk membayar zakat perniagaan di Wilayah Persekutuan sahaja, tetapi boleh membayar zakat di negeri-negeri lain. Terdapat GLC yang membayar zakat di beberapa negeri mengikut keutamaan operasi GLC tersebut di negeri-negeri yang terlibat.

Sekian, terima kasih.

96  
RT12/135

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS : TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD  
DARIPADA [ BUKIT GANTANG ]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

Tuan Idris Bin Haji Ahmad [ Bukit Gantang ] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah yang diambil bagi memastikan pelaksanaan Konsep Pembelajaran Pendidikan Abad Ke-21 (PAK-21) tidak akan meluaskan lagi jurang pencapaian antara sekolah luar bandar dan bandar.

**JAWAPAN**

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Konsep Pembelajaran Pendidikan Abad Ke-21 (PAK-21) ialah proses pembelajaran dan pembelajaran (PdP) yang berpusatkan murid berteraskan elemen komunikasi, kolaborasi, permikiran kritis serta kreativiti iaitu 4K dan aplikasi nilai dan etika (1N). Pada tahun 2017, Kit Penerangan Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21) telah diedarkan bagi memberi penerangan tentang pembelajaran berdasarkan PAK21 dengan memfokuskan kepada cara pelaksanaan di sekolah bagi menerapkan 4K1N untuk memastikan PdP yang berkesan. Kementerian juga telah memberi latihan kepada Jurulatih Utama yang terdiri kepada pegawai JPN

dan PPD yang bertanggungjawab memberi latihan kepada SIPartners+ dan SISC+.

Pada tahun 2018, pegawai JPN, PPD, SIPartners+ dan SISC+ memberi taklimat dan bimbingan sekolah di seluruh negara. Peranan JPN, PPD, SIPartners+ dan SISC+ ialah untuk mengupayakan guru melaksanakan pedagogi berasaskan PAK21 secara berkesan dan seterusnya dapat memberi manfaat kepada semua murid di semua peringkat. Berdasarkan langkah-langkah tersebut, PAK21 akan merapatkan jurang pencapaian antara sekolah luar bandar dan bandar.

RT12/135

SOALAN : 136

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN IDRIS AHMAD (BUKIT GANTANG)**

**RUJUKAN : 10676**

**SOALAN :**

**PR-1361-T01833**

**Tuan Idris Bin Haji Ahmad [ Bukit Gantang ] minta MENTERI  
DALAM NEGERI menyatakan berapakah bilangan penagih dadah  
daripada tahun 2010 sehingga 2017 mengikut bangsa dan tahap  
kelulusan akademik.**

**JAWAPAN:**

Jumlah penagih dadah yang dikesan pada tahun 2010 adalah seramai 23,642 orang, tahun 2011 seramai 19,531 orang, tahun 2012 seramai 15,101 orang, tahun 2013 seramai 20,887 orang, tahun 2014 seramai 21,777 orang, tahun 2015 seramai 26,668 orang, tahun 2016 seramai 30,844 orang dan tahun 2017 seramai 25,922 orang. Jadual 1 menunjukkan jumlah penagih dadah yang dikesan mengikut kaum bagi tahun 2010 sehingga 2017 dan Jadual 2 menunjukkan jumlah penagih dadah yang dikesan mengikut tahap kelulusan akademik bagi tahun 2010 sehingga 2017:

**JADUAL 1: JUMLAH PENAGIH DADAH YANG DIKESAN MENGIKUT KAUM BAGI TAHUN 2010 SEHINGGA 2017**

TAHUN	KAUM (BIL. ORANG)						JUMLAH (BIL. ORANG)
	MELAYU	PRIBUMI		CINA	INDIA	LAIN-LAIN*	
		SABAH	SARAWAK				
2010	18,693	456	29	2,279	2,037	148	23,642
2011	15,386	405	63	1,926	1,634	117	19,531
2012	11,612	253	58	1,658	1,419	101	15,101
2013	16,092	467	137	2,081	1,975	135	20,887
2014	17,122	842	180	1,828	1,657	148	21,777
2015	21,335	774	148	2,117	2,113	181	26,668
2016	24,901	977	154	2,182	2,428	202	30,844
2017	20,956	999	113	1,947	1,760	147	25,922

\*Lain-lain merujuk kepada Punjabi, Siam, Serani dan Orang asli.

Sumber:

**JADUAL 2: JUMLAH PENAGIH DADAH MENGIKUT KELULUSAN  
AKADEMIK, 2010-2017**

Tahun	KELULUSAN AKADEMIK (BIL. ORANG)								JUMLAH (BIL. ORANG)
	Tidak bersekolah	Sekolah rendah	LCE/ SRP/ PMR/ PT3	MCE/ SPM/ SPMV	HSC/ STP/ STPM	Diploma	Ijazah/ Master/ PHD	Lain - lain*	
<b>2010</b>	1,500	3,388	9,036	8,570	338	312	52	446	<b>23,642</b>
<b>2011</b>	1,680	2,901	7,270	6,747	249	267	46	371	<b>19,531</b>
<b>2012</b>	1,092	2,307	5,751	5,222	162	207	41	319	<b>15,101</b>
<b>2013</b>	1,970	2,654	8,530	6,868	147	261	57	400	<b>20,887</b>
<b>2014</b>	1,909	2,694	8,662	7,502	188	290	44	488	<b>21,777</b>
<b>2015</b>	2,681	2,862	10,326	9,445	171	453	77	653	<b>26,668</b>
<b>2016</b>	3,351	2,898	11,730	11,314	218	506	96	731	<b>30,844</b>
<b>2017</b>	3,751	2,370	9,082	9,311	166	473	113	656	<b>25,922</b>

*Sumber: AADK*

Nota :

\*Termasuk Matrikulasi; Sijil Kemahiran Bukan MLVK Asas; Sijil Kemahiran Bukan MLVK Lanjutan; Sijil Kemahiran Bukan Teknikal; Sijil Kemahiran MLVK dan lain-lain sijil kemahiran yang berkaitan.